

**SOALAN LAZIM**  
**PELAKSANAAN PENGGUNAAN FUNGSI MYDIGITAL ID**  
**BAGI APLIKASI MUDAH ALIH MYHRMIS MOBILE**

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
1.	Apa itu MyDigital ID?	MyDigital ID adalah sistem pengenalan diri yang sah dan selamat untuk kegunaan dalam talian termasuk perkhidmatan Kerajaan seperti <b>MyHRMIS Mobile</b> .
2.	Bilakah tarikh akhir kemudahan log masuk ke aplikasi MyHRMIS Mobile menggunakan ID HRMIS?	Tarikh akhir kemudahan log masuk ke aplikasi MyHRMIS Mobile menggunakan ID HRMIS adalah sehingga 26 Mei 2024. Mulai <b>27 Mei 2024</b> , log masuk ke aplikasi MyHRMIS Mobile hanya boleh menggunakan MyDigital ID.
3.	Adakah penggunaan MyDigital ID untuk MyHRMIS Mobile hanya boleh melalui telefon pintar sahaja?	Ya. MyDigital ID untuk MyHRMIS Mobile hanya boleh digunakan melalui telefon pintar.
4.	Adakah pegawai boleh menggunakan MyHRMIS Mobile sekiranya tidak mendaftar MyDigital ID?	Tidak boleh. Mulai 27 Mei 2024, hanya pegawai yang mempunyai MyDigital ID sahaja yang boleh menggunakan MyHRMIS Mobile.
5.	Bagaimanakah pegawai boleh mengakses maklumat HRMIS selepas log masuk menggunakan ID HRMIS ke MyHRMIS Mobile ditutup?	Pegawai boleh mengakses maklumat HRMIS menggunakan aplikasi HRMIS 2.0 melalui laman web yang masih boleh diakses menggunakan ID HRMIS seperti biasa.
6.	Apakah yang akan terjadi sekiranya pegawai terlupa kata laluan bagi MyDigital ID ketika cuba mengakses MyHRMIS Mobile?	Setakat ini <b>MIMOS</b> hanya menetapkan bahawa, sekiranya pegawai terlupa kata laluan, pegawai perlu membatalkan (batal/ revoke) MyDigital ID di kiosk dan perlu mendaftar semula.
7.	Apakah akan terjadi sekiranya telefon pintar yang berdaftar dengan MyDigital ID serta mempunyai aplikasi MyHRMIS Mobile pegawai hilang atau rosak?	Buat masa ini, kiosk-kiosk ditempatkan di premis-premis kerajaan terpilih di Lembah Klang. Antaranya ialah: <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tingkat 4, Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya</li> <li>2. Lobi, Blok C5, Kementerian Sains, Teknologi &amp; Inovasi, Putrajaya</li> <li>3. Lobi, Blok Setia Perkasa 1, Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya</li> <li>4. Lobi, Jabatan Perkhidmatan Awam, Putrajaya</li> <li>5. Lobi, MAMPU, Cyberjaya</li> <li>6. Lobi, MIMOS Berhad, Bukit Jalil</li> </ol>
8.	Siapakah yang boleh dihubungi untuk sebarang pertanyaan berkaitan penggunaan MyDigital ID bagi MyHRMIS Mobile?	Maklumat lanjut boleh dikemukakan kepada pihak MIMOS melalui: <p>Emel : <b>info@digital-id.my</b>            Hotline : <b>03 - 8687 2772</b></p>